

TS  
114

**TAJUK:**

**SISTEM KOPERASI ISLAM : PERLAKSANAAN PROGRAM  
DAN IMPLIKASI, KAJIAN KES DI KOPERASI AL-HILAL  
MALAYSIA BHD. @ (KOHLAL)**

**OLEH:**

**ISMAIL BIN ABDULLAH  
EEE 97191**

**PENYELIA  
PROFESOR MADYA DR. IDRIS BIN JAJRI**

**KEPADА:**

**JABATAN EKONOMI GUNAAN  
FAKULTI EKONOMI DAN PENTADBIRAN  
UNIVERSITI MALAYA  
50603 KUALA LUMPUR**

**KERTAS PROJEK INI UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA KEPERLUAN ASAS SYARAT IJAZAH SARJANA  
MUDA EKONOMI (EKONOMI GUNAAN)**

**SESI 1999/2000**

## PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Allah kerana dengan izinnya Kertas Projek ini dapat disiapkan. Sesungguhnya kerja-kerja merangka, membina dan menyelesaikan Kertas Projek ini mendapat kerjasama, tunjuk ajar dan pengorbanan pelbagai pihak. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih saya kepada semua pihak, yang terlibat sama ada secara langsung maupun tidak langsung di dalam menyiapkan projek ini. Pertama sekali ucapan penghargaan dan setinggi terima kasih saya kepada Penyelia Kertas Projek ini merangkup Ketua Jabatan Ekonomi Gunaan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran (FEA). Profesor Madya Dr. Idris Jajri yang sentiasa bersedia memberi tunjuk ajar, menyelia dan memandu saya menyiapkan Kertas Projek ini. Kepada semua pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, sesungguhnya segala tunjuk ajar mereka sangat membantu saya dalam menyelesaikan Kertas Projek ini. Tidak dilupakan kepada pihak KOHILAL, terutama sekali Bendaharinya Encik Ali Maidin yang telah memberi banyak input dan maklumat semasa ditemubual, disamping bekas Pengurus Sekretariatnya, Encik Khairul Anwar Abdullah yang telah sudi memimjamkan Buku Laporan Tahunan KOHILAL bagi tahun 1986 hingga 1996. Saya juga merasa sangat terhutang budi kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang telah memberi kepercayaan menaja pengajian saya dengan cuti belajar bergaji penuh, dimana sekiranya tiada kemudahan ini nescaya memberi kesukaran kepada saya meneruskan pengajian yang penuh bermakna ini.

Akhirnya, jasa yang tidak akan dapat dilupakan dan rasa terhutang budi kepada kedua ibubapa saya yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dunia dan akhirat. isteri saya Mazni Hj. Ahmad yang amat memahami dan sentiasa memberikan galakan serta komitmen kepada peningkatan kerjaya dan akademik saya serta buat anak-anak saya, Syazana Nadzira, Abdul Fattah, Fatin Nabila dan Ahmad Baihaqi yang telah saya korbankan sebahagian daripada masa yang sepatutnya bersama-sama mereka.

**Mudah-mudahan segala sumbangan dan pengorbanan berkenaan direhdai Allah.**

**Terima Kasih - Wassalam.**

**Ismail Bin Abdullah  
September 1999**

## **ABSTRAK**

Terlalu sedikit koperasi di negara ini yang menguruskan koperasi mengikut sistem Islam sepenuhnya. Kewujudan sistem koperasi Islam sememangnya menjadi alternatif kepada umat Islam yang prihatin. Kohilal sendiri ditubuhkan di atas kesedaran betapa perlunya sebuah institusi kewangan dan perekonomian Islam sebagai alternatif kepada sistem riba yang diamalkan oleh sistem konvensional. Kajian ini yang bertajuk Sistem Ekonomi Islam; Perlaksanaan Program dan Implikasi, Kajian Kes di Koperasi Al-Hilal Malaysia Berhad atau KOHILAL bertujuan menyelidik dan mendedahkan fungsi, aktiviti dan prestasi koperasi berdasarkan Visi, Misi dan nilai Islam sejagat. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama adalah Pengenalan yang merangkumi tujuan, permasalahan, objektif dan skop kajian. Bab kedua, akan memaparkan sejarah dan ciri-ciri koperasi di Malaysia di mana tinjauan khusus adalah kepada Koperasi KOHILAL. Bab ketiga pula mengukur pencapaian koperasi mengikut pendekatan Kajian Empiriks. Seterusnya di dalam bab keempat pula mula dibincang dan dinilai fungsi serta prestasi koperasi mengikut pendekatan statistik, ekonomi dan analisis SWOT, singkatan bagi *Strength, Weakness, Opportunities* dan *Treatment*. Akhirnya di dalam bab kelima, dikemukakan penemuan kajian, cadangan dan rumusan untuk menjawab permasalahan dan hipotesis kajian. Rumusan yang dibuat adalah, KOHILAL sekurang-kurangnya telah pun berada di landasan yang betul untuk meneruskan langkahnya mencapai Misi untuk membina ekonomi ummah. Sememangnya sedikit pengetahuan bidang statistik diperlukan bagi memahami kaedah pengukuran di dalam kajian ini khususnya dalam bab ketiga. Namun, penjelasan deskriptif turut dimuatkan bagi mempermudahkan terma dan pendekatan yang digunakan. Akhirnya diharapkan kajian ini akan menjadi input dan memberi manfaat kepada KOHILAL atau kajian ilmiah di masa hadapan. Tidak dapat dinafikan, terdapatnya kelemahan di sana sini dalam kandungan kajian ini. Sesungguhnya kelemahan itu datangnya dari saya sendiri manakala yang benar itu dari Allah. Selaras dengan pembinaan ilmu untuk Islam dan Masyarakat, saya mengharapkan teguran dan kritikan pembaca yang akan meneruskan kajian akan datang agar penemuan intelek terus berkembang dan menyumbang kepada pembinaan agama, bangsa dan negara.

- Ismail -

## DAFTAR KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Penghargaan	i
Abstrak	ii
Daftar Kandungan	iii
Senarai Jadual dan Graf	vi
Senarai kependekan	viii

### BAB SATU : PENGENALAN

1. PENDAHULUAN	1
2. RINGKASAN PENEMUAN PENYELIDIKAN LEPAS	2
3. PERMASALAHAN DAN HIPOTESIS KAJIAN	5
4. OBJEKTIF KAJIAN	5
5. SKOP KAJIAN	6

### BAB DUA : LATARBELAKANG KOPERASI DI MALAYSIA

1. DEFINASI KOPERASI	8
2. SEJARAH KOPERASI DI MALAYSIA	9
3. PRINSIP-PRINSIP KOPERASI	10
4. KOPERASI ISLAM	11
5. LATARBELAKANG KOHILAL	12
5.1 Visi Koperasi	17
5.2 Misi Koperasi	17
6. RANCANGAN MASA DEPAN DAN TUMPUAN BARU	17
7. MAKLUMAT ORGANISASI: PENGURUSAN KOHILAL	18
8. KEANGGOTAAN KOHILAL	19
9. AGENSI-AGENSI PERNIAGAAN KOHILAL	20
10. PROGRAM-PROGRAM KOHILAL	20

10.2	Ujian F hipotesis III	48
10.3	Ujian t hipotesis III	48
11.	KEPUTUSAN KRITERIA EKONOMI DAN KEANJALAN HIPOTESIS I	51
12.	KEPUTUSAN KRITERIA EKONOMI DAN KEANJALAN HIPOTESIS II	55
13.	KEPUTUSAN KRITERIA EKONOMI DAN KEANJALAN HIPOTESIS III	57

#### **BAB EMPAT : PERBINCANGAN DAN PENILAIAN**

1.	PERBINCANGAN DAN PENILAIAN	61
2.	ANALISIS SWOT	69
2.1	Kekuatan Koperasi	69
2.2	Peluang-Peluang	71
2.3	Kelemahan-Kelemahan	73
2.4	Ancaman	76

#### **BAB LIMA : PENEMUAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

1.	PENEMUAN KAJIAN BERDASARKAN TEMUBUAL DENGAN PIHAK KOHILAL	78
2.	PENEMUAN BERBANDING PENYELIDIKAN LEPAS	81
3.	CADANGAN	83
4.	KESIMPULAN	85

#### **BIBLIOGRAFI**

#### **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL RAJAH DAN LAMPIRAN

BILANGAN		MUKA SURAT
Jadual 1.1	Kohilal (M) Bhd.; Penyata Pendapatan, Keuntungan, Tabung pelbagai, Harta Tetap, Bilangan Ahli dan Produk Koperasi Bagi Tempoh 1986-1998 (Dalam RM).	13
Jadual 1.2	Kohilal (M) Bhd.; Nilai Mutlak dan Peratus Pertumbuhan Saham, Simpanan am dan Simpanan Khas Bagi Tempoh 1986-1998 (Dalam RM).	14
Jadual 1.3	Tiga Set pengujian Hipotesis yang Diukur Menerusi Kedah Statistik dan Penganggaran Awal	31
Jadual 1.4	Output SPSS Multiple Regression Hipotesis I	34
Jadual 1.5	Output SPSS Multiple Regression Hipotesis II	35
Jadual 1.6	Output SPSS Multiple Regression Hipotesis III	36
Jadual 1.7	Keputusan Output SPSS Kriteria Statistik, Ekonomi dan Keanjalan.	60
Jadual 1.8	KOHILAL.; Purata Simpanan am, Saham, Simpanan Khas, Murabahah dan Aset Tetap Bagi Tempoh 1986-1998 (Dalam RM).	62
Jadual 1.9	KOHILAL ; Pertumbuhan dan Penyusutan Skim Murabahah dan Qardhul Hasan Berbanding Simpanan Khas Bagi Tempoh 1986-1998 (Dalam RM).	65
Jadual 1.10	KOHILAL.; Pembayaran Dividen/Keuntungan Ke atas Saham dan Pelaburan Bagi Tempoh 1986-1998 (Dalam RM).	70
Jadual 1.11	KOHILAL ; Peningkatan Mutlak dan Secara Peratus Saham, Simpanan Khas dan Simpanan am Kohilal Bagi Tempoh 1986-1998 (Dalam RM).	71

Jadual 1.12	Kohilal (M) Bhd.; Pengembangan Pelaburan dan had Keterhutangan KOHILAL yang Diluluskan Melalui mesyuarat Agong Tahun 1996/97/99 (Dalam RM).	72
Jadual 1.13	Kohilal (M) Bhd.; Keuntungan/Kerugian KOHILAL Dalam Program Perniagaan Bagi Tempoh 1995-1998 (Dalam RM).	74

### **SENARAI RAJAH**

Rajah 2.1	Kohilal (M) Bhd.; Graf Nilai Purata Bagi Skim Kohilal Bagi Tempoh 1986 – 1997 (Dalam RM)	15
Rajah 2.2	Kohilal (M) Bhd.; Graf Pertumbuhan dan Penyusutan Skim Kohilal Bagi Tempoh 1992 – 1998 (Dalam RM)	66

### **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN 3.1 :	Jadual Unjuran Pendapatan Pelaburan Jangka Panjang
LAMPIRAN 3.2 :	Surat Pengesahan Temubual Dengan Bendahari Kohilal Pada 9.8.99
LAMPIRAN 3.3 :	Maklumat Program Dan Keahlian Kohilal

## **SENARAI KEPENDEKAN DAN SIMBOL**

ABIM	:	Angkatan Belia Islam Malaysia
ASB	:	Amanah Saham Bumiputra
ASN	:	Amanah Saham Nasional
BSKL	:	Bursa Saham Kuala Lumpur
IPTA	:	Institut Pengajian Tinggi
IPTS	:	Institut Pengajian Tinggi Swasta
KBI	:	Koperasi Belia Islam (M) Bhd.
MITI	:	Ministry of International Trade and Industry
MUDH.	:	Mudharabah
Muraba	:	Murabahah
PAS	:	Parti Islam SeMalaysia
RM	:	Ringgit Malaysia
Sim. Khas	:	Simpanan Khas
SWOT	:	Strength, Weakness, Opportunities and Threat
UMNO	:	United Malays National Organization

## **SIMBOL**

$\Delta$	:	Perubahan
<	:	Lebih Kecil
>	:	Lebih Besar
$\overline{M}$	:	Purata Ahli

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1. PENDAHULUAN**

Kajian ke atas Sistem Koperasi Islam ini dibuat berdasarkan kepada kecenderungan untuk meneliti kajian-kajian lepas yang banyak menyentuh tentang peranan koperasi. Peranan koperasi adalah penting dalam meningkatkan kebajikan dan sosioekonomi ahli maupun masyarakat. Pada awal tahun 1960an Menteri Pertanian pertama Malaysia Encik Aziz Ishak, pernah mencadangkan penubuhan koperasi bagi melindungi kebajikan petani dari masalah orang tengah, pengilang padi dan bekalan baja yang menyebabkan beliau menjadi popular dikalangan masyarakat luar bandar. Cadangan beliau menjadi isu kontroversi apabila golongan kapitalis mendapati kepentingan mereka terjejas sekiranya wujud koperasi untuk petani manakala puak tertentu dalam UMNO pula merasa populariti mereka terancam. Akhirnya cadangan ini ditolak dan Encik Aziz Ishak dipecat dari kabinet kemudiannya UMNO dan akhirnya ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (Jomo 1993).

Pada tahun 1970an selaras dengan Dasar Ekonomi Baru banyak Koperasi ditubuhkan khususnya untuk golongan petani, nelayan dan kaum pekerja. Malangnya peranan koperasi masih terbatas dalam membela ahli masing-masing. Walaubagaimana pun penubuhan KOHILAL telah menunjukkan kemajuan yang signifikan di kalangan

koperasi-koperasi lain. Dalam hal ini semasa pelancaran “Tabung Sedekad” di Hotel Continental, Kuala Lumpur pada bulan Disember 1998, Profesor Ungku Aziz berkata; “....Kejayaan Kohilal patut disebarluaskan keseluruh dunia, inilah satu-satunya koperasi yang pernah saya temui menyediakan produk dan pelaburan jangka panjang di mana kebanyakannya ahli menyertai koperasi untuk menabung berbanding untuk meminjam”. Penonjolan Kohilal sebenarnya diwarnai tanggapan sebagai sebuah koperasi berimej parti pembangkang, PAS dan ditubuhkan dalam keadaan cukup daif tanpa sebarang peruntukan tertentu, menjalankan sepenuhnya kaedah Islam, terbuka kepada seluruh umat Islam dan mempunyai Visi serta Misi yang cukup mencerminkan hasrat membangunkan ekonomi umat Islam. Oleh itu penulis memilih tajuk sistem koperasi Islam dan kajian ke atas Kohilal bagi memenuhi jam kredit untuk melayakkan penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ekonomi.

## 2. RINGKASAN DAN PENEMUAN PENYELIDIKAN BERKAITAN

Kajian ilmiah bertajuk Sistem Koperasi Islam: Pelaksanaan dan implikasinya, kajian kes di Koperasi Belia Islam Bhd. (KBI) (Roshaida 1997); telah menggunakan metodologi deskriptif dan Kajian Empiriks. Fokus kajian adalah menilai prestasi Institusi KBI dan implikasinya, mampukah KBI mengatasi masalah-masalah ahli dan menjaga kebajikan ahli-ahlinya. Penemuan daripada kajian ini adalah, KBI layak dijadikan model ikutan kepada koperasi yang mahukan amalan sistem Islam dan menjadi alternatif kepada sistem konvensional. Kejayaan KBI juga bukanlah kerana ciri-ciri kelslamannya sahaja tetapi ciri-ciri kelslamannya itu telah menjadi asas kepada kejayaannya.

Kajian di atas tajuk Penglibatan dan tanggapan orang ramai terhadap sekim ASN dan ASB, di daerah Besut (Ayub 1994); telah menumpukan kajian ke atas analisis data secara deskriptif. Fokus kajian adalah mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan dan tanggapan orang ramai terhadap sekim ASN dan ASB. Penemuannya menunjukkan tahap penglibatan melabur adalah 76% manakala selebihnya tidak melabur. Faktor-faktor tidak melabur mengikut keutamaan adalah disebabkan alasan agama, jarak kaunter pelaburan dari rumah dan tidak minat. Sementara dorongan melabur mengikut keutamaan adalah disebabkan faktor menyahut seruan kerajaan, suka menabung dan dividen yang tinggi. Didapati seramai 76.4% hanya melabur sekali sahaja dan 54.6% bersetuju bahawa ASN tidak haram. Kesimpulannya, walaupun bilangan yang melabur adalah menggalakkan tetapi kualiti atau nilai pelaburannya masih rendah. Faktor tanggapan masyarakat bukanlah suatu faktor hakiki kepada masalah pelaburan di dalam ASN/ASB.

Kajian di atas tajuk Bank Pembangunan Malaysia Bhd. (BPMB) dan Peranannya Di Dalam Mencapai Objektif Negara (Jufri 1996) adalah untuk menilai sejauhmanakah kejayaan BPMB di dalam memikul tanggung jawabnya sebagai institusi yang berperanan menambahkan golongan Bumiputera di dalam sektor perniagaan dan usahawan. Kajian dijuruskan kepada apakah skim dan perancangan yang disediakan. Jumlah peruntukan yang diluluskan dan sejauhmana kejayaan dicapai. Kaedah analisis dibuat secara deskriptif. Penemuannya adalah BPMB harus memberikan tumpuan kepada industri pemasaran ekspot keluar negara kepada produk Bumiputra. Sementara itu, peraturan bayaran balik pinjaman yang ditetapkan untuk dibayar dalam tempoh sebulan selepas

menggambarkan aktiviti, operasi dan rekod urusniaga bagi tempoh 1986 sehingga 1997.

Kajian penyelidik bersifat historikal dan meletakkan keyakinan beliau ke atas Kohilal sebagai sebuah Koperasi cara Islam yang berjaya.

### **3. PERMASALAHAN DAN HIPOTESIS KAJIAN**

Kajian ini cuba mengukur sejauhmana aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kohilal adalah membantu perkembangan pembangunan koperasi untuk menuju Visi dan Misi yang ditetapkan. Berdasarkan pengukuran ke atas aktiviti-aktiviti yang dijalankan maka perbincangan dan penilaian akan dibuat bagi menjawab permasalahan kajian yang dihipotesiskan seperti berikut:

- Koperasi Islam menjadi alternatif kepada sistem koperasi konvensional.
- Koperasi Islam (Kohilal) dengan koperasi konvensional adalah berbeza.
- Aktiviti Kohilal dapat mengisi keperluan sosioekonomi ahli.
- Program Kohilal dapat memenuhi pembangunan sosioekonomi ummah.

### **4. OBJEKTIF KAJIAN**

Selaras dengan kaedah kajian berdasarkan pendekatan Kajian Empiriks yang bersifat boleh diukur dan disukat maka tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan koperasi dengan tumpuan kepada tiga pembolehubah bersandar iaitu Pendapatan, Skim Murabahah dan Aset Tetap yang

dicadangkan dapat menyumbangkan kebajikan atau faedah bersama diantara koperasi dan ahli seterusnya ummah. Pengujian hipotesis dimulai dengan persoalan berikut;

- Untuk mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan aktiviti Kohilal diukur menerusi tingkat pendapatannya.
- Untuk mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pengembangan Skim Murabahah sebagai lambang kebajikan koperasi kepada ahli mengikut prinsip Islam.
- Untuk mengkaji apakah faktor yang mempengaruhi kejayaan pengembangan Aset Tetap sebagai lambang pengukuhan koperasi untuk berdikari.
- Untuk menilai dan merumuskan penemuan-penemuan bagi menjawab hipotesis kajian.

## 5. SKOP KAJIAN

Kajian ini meliputi pengukuran data-data siri masa bagi pembolehubah yang dipilih bagi tempoh 11 tahun daripada tahun 1987 sehingga 1997. Walaubagaimana pun penilaian secara deskriptif dibuat meliputi data-data sejak penubuhan Kohilal pada tahun 1986 sehingga 1998. Data bagi tahun 1986 dan 1998 tidak diukur di dalam pengujian hipotesis kerana maklumat yang tidak lengkap. Data-data siri masa ini dianggap mencerminkan aktiviti Kohilal terdiri daripada, Pendapatan, Skim Al-Qardhul Hasan, Ahli, Saham, Simpanan Khas, Simpanan am, Untung, Skim Murabahah, Tabung Pelbagai dan Aset

Tetap. Pengujian hipotesis dibuat bagi memeriksa keberkesanan aktiviti yang dijalankan berbanding matlamat koperasi.

Hak Milik MARA

## BAB DUA

### LATARBELAKANG KOPERASI DI MALAYSIA

#### 1. DEFINISI KOPERASI

Istilah koperasi diambil daripada Bahasa Inggeris iaitu *Co-Operative* atau dalam bahasa Latin disebut *Co-Operari* dari dua suku kata iaitu “Co” bererti bersama dan “Operari” bermakna bekerja. Secara ringkas maksud koperasi adalah bekerja bersama (Ungku Aziz 1980). Profesor Di Raja Ungku Aziz mendefinisikan koperasi sebagai;

Suatu fahaman di mana penganut atau ahlinya bergiat menguruskan pengeluaran, penggunaan, pemasaran atau simpanan dan pinjaman dengan tujuan menolong antara satu sama lain dengan bermatlamatkan keuntungan berkelompok tanpa matlamat mencari keuntungan secara individu (Ungku Aziz 1980).

Berdasarkan akta koperasi 1948 pula, koperasi ditakrifkan sebagai sebuah organisasi yang bertujuan memajukan ekonomi ahli-ahlinya secara tolong menolong dan bekerjasama (Muhammad Nur Anuar 1990).

Sepertimana tercatit di dalam Perkara 12 Perakuan Persidangan Buruh Antarabangsa mengenai Koperasi (Negara-negara Membangun) 1966 (Nombor 127) koperasi diertikan seperti berikut;

Koperasi ialah pertubuhan manusia yang telah dengan sukarelanya bermuafakat untuk menghasilkan tujuan bersama mereka menerusi penubuhan badan, perniagaan yang dikawal dengan secara demokrasi, membuat sumbangan yang saksama terhadap modal yang diperlukan dan menerima kadar yang munasabah bagi risiko dan faedah dalam perniagaan yang ahli-ahlinya mengambil bahagian secara aktif (Syed Abdullah 1992).

## 2. SEJARAH KOPERASI DI MALAYSIA

Cadangan penubuhan koperasi di tanah Melayu sudah bermula sejak 1907 oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selat, Sir Arthur Young sebagai cara mengatasi masalah ekonomi orang Melayu, tetapi usaha ini tidak mendapat sambutan. Ia juga berhadapan dengan bantahan pemimpin agama Melayu yang mempersoalkan bayaran faedah terutamanya dalam pergerakan kredit. Kemudian gerakan koperasi telah diteruskan semula oleh usaha seorang Pegawai Inggeris A. Cavendish. Pada tahun 1922 Undang-Undang Koperasi telah diwujudkan dan beliau sendiri telah dilantik menjadi Pengarah Koperasi bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Dalam tahun 1934 orang-orang Melayu telah menubuhkan lapan koperasi dan dua lagi oleh orang India (Hambali 1997). Terdapat tulisan yang menyatakan gerakan koperasi di negara ini bermula dengan

tertubuhnya sebuah koperasi pengguna iaitu Syarikat Pegawai Kerajaan di Parit Buntar yang didaftarkan pada tahun 1936 (Muhammad Nur Anuar 1990). Pada tahun 1948 pemerintah British memperkenalkan *Cooperative Societies Ordinance No.33* untuk menyelaraskan semua perundangan koperasi yang ada dan sebuah jabatan khas turut diadakan (Hambali 1997).

### 3. PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

Terdapat beberapa prinsip dan amalan yang perlu dipatuhi bagi membezakan koperasi dengan perniagaan swasta. Diantara prinsip koperasi adalah seperti berikut (Syed Abdullah 1992).

- Perjalanan secara demokrasi
- Keahlian sukarela
- Bayaran munasabah bagi keuntungan ke atas saham yang dilaburkan
- Pemulangan keuntungan sebagai tambahan perkhidmatan kepada ahli, tambahan modal atau mengikut pulangan atas langgaran
- Pemberian balik modal mengikut pelaburan
- Kepentingan masyarakat mendahului kepentingan ahli
- Sikap neutral dalam politik dan agama
- Menggalakkan pendidikan
- Bekerjasama disemua peringkat koperasi

Prinsip-prinsip ini dianggap bercorak sosial dan ekonomi. Prinsip bercorak sosial menentukan garis panduan kepada sikap dan halatuju gerakan koperasi dalam masyarakat sama ada dalam bidang politik, agama ataupun pendidikan. Prinsip bercorak ekonomi pula memberi panduan yang jelas tentang modal, pelaburan dan keuntungan atas saham dan bayaran pulangan modal kepada ahli. Prinsip-prinsip inilah yang membezakan di antara koperasi dengan perniagaan swasta.

#### 4. KOPERASI ISLAM

Koperasi Islam adalah satu pertubuhan atau badan yang menjalankan kegiatan-kegiatan sosioekonomi dan segala pengurusannya berdasarkan kepada nilai-nilai Islam. Operasinya lebih menekankan nilai-nilai agama dalam mencapai matlamat pembangunan ekonomi ahli-ahlinya. Disamping itu kaedah-kaedahnya bersifat mutlak yang mana pihak lembaga pengarah hanyalah sebagai pemegang amanah Allah Subhanahu wataala (Muhammad Nur Anuar 1990).

Pengumpulan wang atau harta koperasi dibuat berdasarkan prinsip Wadiyah iaitu simpanan dan bukannya pinjaman. Prinsip ini membawa maksud tujuan simpanan adalah untuk mendapatkan keuntungan tetapi mungkin mengalami kerugian menerusi aktiviti perniagaan koperasi. Ini bertentangan dengan prinsip pinjaman yang bermatlamatkan untung daripada pemimjaman modal.

## 5. LATARBELAKANG KOHILAL

Koperasi Al-Hilal (Malaysia) Berhad atau nama ringkasnya KOHILAL adalah sebuah koperasi yang didaftarkan pada 3.6.86 di bawah Akta Koperasi 1948. Idea penubuhannya lahir di atas kesedaran betapa perlunya sebuah institusi atau sistem kewangan dan perekonomian Islam sebagai alternatif kepada sistem riba yang diamalkan oleh sistem konvensional. Pengelolaan hal-hal Kohilal dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Pengarah yang dilantik di dalam mesyuarat agung tahunan. Bagi mempastikan setiap projek dan kegiatan-kegiatan KOHILAL berjalan mengikut prinsip-prinsip Islam, sebuah lujnah syariah dibentuk bagi menjamin prinsip Islamnya dipatuhi.

Dengan merujuk kepada data-data kewangan Kohilal bagi tempoh 1986 sehingga 1998 menerusi Jadual 1.1, 1.2 dan Rajah 2.1 kita mendapati pertumbuhan positif jelas berlaku dari segi jumlah Pendapatan, Keuntungan, Simpanan am, Simpanan Khas dan Saham ahli. Bilangan ahli telah meningkat daripada 118 orang pada tahun 1986 kepada 19,048 orang pada tahun 1997 sebelum menyusut kepada 17,876 pada akhir tahun 1998. Aset tetap Kohilal pula telah meningkat sebesar 19,054 kali ganda pada tahun 1997 berbanding tahun asas 1986. Jumlah saham pada tahun pelancaran (1986) adalah bernilai RM11,615.00 telah meningkat kepada RM11,206,675.00 pada tahun 1998 dengan peratus peningkatan sebesar 96,384% berbanding tahun asas (1986).

Di dalam bidang perniagaan pula Kohilal telah mula memperkenalkan barang berupa produk makanan dan peralatan berjenama HILAL yang diedarkan melalui stokis-

JADUAL 1.1

KOHILAL (M'SIA) BHD. : PENYATA PENDAPATAN, AHLI, KEUNTUNGAN, HARTA TETAP DAN PRODUKS KOPERASI  
BAGI TEMPOH 1986-1998 DISEBUT DI DALAM RM (RINGGIT MALAYSIA)

TAHUN	BIL	INCIDEN	KEUNTUNGAN	SIMPANAN	JUMLAH	SAHAWA	JUMLAH	GARDUH	SKIM	JUMLAH	KEWAJING	HARTA	JUMLAH
1986	118	0.00	324.00	620.00	0.00	11,615.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	346.75	
1987	575	7,651.03	1,229.92	13,710.92	124.00	51,546.00	2,400.00	8,000.00	2,418.00	164.00	124,351.00	310.25	
1988	1631	23,544.23	-2,715.15	58,499.42	1,615.00	117,969.00	8,281.00	24,664.00	270,137.00	23,322.00	529,464.00	848.85	
1989	1916	50,591.28	9,099.68	138,135.42	11,564.00	254,219.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	8,729.65	
1990	2938	130,493.70	55,266.29	275,359.15	29,130.00	452,044.00	64,811.00	0.00	0.00	0.00	0.00	20,733.65	
1991	4470	121,469.66	8,994.72	408,560.45	67,649.00	702,177.00	128,143.00	0.00	0.00	0.00	0.00	37,368.60	
1992	6511	198,316.00	-500.00	582,950.00	122,587.00	1,175,540.00	239,585.00	0.00	0.00	0.00	0.00	41,397.00	
1993	9063	358,317.84	56009.62	802,007.01	283,834.00	2,123,744.53	403,169.00	0.00	0.00	0.00	0.00	609,995.10	
1994	11110	545,929.64	85,907.16	1,054,576.79	512,927.78	3,177,705.72	397,267.00	0.00	0.00	0.00	0.00	1,284,517.14	
1995	13893	723,901.93	-24,183.55	1,470,446.23	1,158,159.23	4,488,373.98	535,489.00	0.00	0.00	0.00	0.00	2,256,718.23	
1996	17668	2,738,453.18	851,534.38	1,771,552.36	1,554,079.98	6,787,349.72	614,869.00	0.00	0.00	0.00	0.00	3,522,696.62	
1997	19048	6,227,569.00	1,055,560.00	2,289,966.00	27,920,029.00	9,454,737.90	668,086.00	0.00	0.00	0.00	0.00	6,592,911.23	
1998	17876	8,855,952.00	2,105,790.00	4,301,145.00	39,545,023.00	11,206,675.00	515,694.00	0.00	0.00	0.00	0.00	7,187,365.00	
PURATA		1,011,476.14	190,563.92	805,978.52	2,878,336.27	859,521.00	280,614.91	2,166,821.55	201,845.82	0.00	0.00	1,306,929.67	

Sumber : KOHILAL, Buku Laporan Tahunan bagi tempoh 1986 - 1998

Jadual 1.2

Kohilal (M'sia) Bhd; Nilai Mutlak dan Purata Pertumbuhan Saham,

Simpanan am dan Simpanan Khas Bagi Tempoh 1986-1998 Dalam Ringgit Malaysia.

MUL	BIL	JUMLAH SAHAM	%g Saham	SIMPANAN AM	%g S.am	SIMPANAN KHAS	%g S.Khas
AHLI							
1986	118	11,615.00		620.00		-	
1987	575	51,546.00	344%	13,710.92	2,111.44	124.00	
1988	1631	117,969.00	129%	58,499.42	326.66	1,615.00	1202%
1989	1916	254,219.00	115%	138,135.42	136.13	11,564.00	616%
1990	2938	452,044.00	78%	275,359.15	99.34	29,130.00	152%
1991	4470	702,177.00	55%	408,560.45	48.37	67,649.00	132%
1992	6511	1,175,540.00	67%	582,950.00	42.68	122,587.00	81%
1993	9063	2,123,744.53	81%	802,007.01	37.58	283,834.00	132%
1994	1110	3,177,705.72	50%	1,054,576.79	31.49	512,927.78	81%
1995	13893	4,488,373.98	41%	1,470,446.23	39.43	1,158,159.23	126%
1996	17668	6,787,349.72	51%	1,771,552.36	20.48	1,554,079.98	34%
1997	19048	9,454,737.90	39%	2,289,956.00	29.26	27,920,029.00	1697%
1998	17876	11,206,675.00	19%	4,301,145.00	87.83	31,661,698.99	13%


umber : Kohilal; Buku laporan tahunan akohil bagi tahun 1986-1998.

Kadar Pertmbuhan dalam Peratus

am : Simpanan am

Khas : Simpanan Khas

Rajah 2.1: Kohlal(M) Bhd.: Graf Nilai Purata Skim-skim Kohlal Bagi Tempoh 1986-97



Sumber: KOHLAL - Laporan Tahunan 1986-1997

stokis Kohilal di seluruh negara. Projek khusus untuk perniagaan ini telah dilaksanakan di bawah projek jualan terus KOHILAL (Jutekoh). Hampir semua negeri telah menubuhkan syarikat KOHILAL Edar Negeri bagi mengembangkan perniagaan Kohilal. Bagi memenuhi tuntutan fardhu kifayah, KOHILAL telah membuka sebuah hospital di Taman Melawati bermilai RM1 Juta yang menumpukan kepada perkhidmatan wad dan rawatan untuk ibu-ibu mengandung dan bersalin. KOHILAL juga mula melaksanakan konsep perkongsian dalam menubuhkan rangkaian klinik HILAL. Melalui usaha ini KOHILAL akan melabur dalam jumlah tertentu dan doktor terdiri daripada anggota KOHILAL akan menjalankan perniagaan sepenuhnya. Pada tahun 1992 KOHILAL mula membeli bangunan pejabatnya sendiri berharga RM500,000.00. Pada tahun 1996 Kohilal telah membeli dan membina bangunan setinggi 7 tingkat di *Diamond Commercial Centre*, Jalan Gombak, Kuala Lumpur yang berharga RM3,528,034.00 untuk dijadikan Kompleks KOHILAL. Tabung-tabung yang diujudkan dalam konsep sumbangan derma seperti Tabung Infak dan Tabung Kebajikan telah dimobilisasikan sumber modalnya secara Korporat Sosial (Kohilal 1997). Pada tahun 1996 Tabung Infak telah dipinda kepada Tabung Pembangunan Ummah yang bertujuan membina dan mendokong program sosial haraki. Tabung Pelajaran pula dipinda kepada Tabung Pendidikan Ummah yang berkonsepkan Sekim Takaful Pelajaran. Tabung Kebajikan diuruskan sepetimana sekim Takaful Keluarga. Tabung Bangunan dan Kumpulan Wang Hartanah telah disatukan di bawah Tabung Pelaburan Hartanah dengan tumpuan utama kepada pembangunan hartanah haraki di seluruh negara. Pada tahun 1997 Simpanan Khas telah meningkat sebanyak 1696% dan ini mungkin berkaitan dengan penawaran skim pelaburan jangka pendek yang dikenali sebagai Projek STAR pada tahun 1996. Bagi

tempoh 1995 dan 1996 jumlah saham telah meningkat masing-masing pada kadar 41.25% dan 51.22 %.

Sejak penubuhannya pada 3.6.86 KOHILAL telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Ismail bin Haji Abdullah, bekas Timbalan Ketua Pengarah Pentadbiran dan Kewangan Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (Kohilal 1995) sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1996. Bermula dengan bilangan ahli dan modal yang sangat kecil kini KOHILAL telah bergerak dan berkembang pesat diukur daripada pemilikan aset dan modal maupun aktiviti yang dijalankan.

#### 5.1 VISI KOPERASI

Sesuai dengan matlamat penubuhannya dan prinsip Islam yang didokong maka Kohilal telah meletakkan Visi koperasi Kohilal ini sebagai wadah sosioekonomi ummah, berdikari yang berteraskan Islam.

#### 5.2 MISI KOPERASI

Misinya pula adalah untuk melahirkan, menggerak dan membina sosioekonomi ummah yang maju, berdikari, beriman dan bertakwa.

### 6. RANCANGAN MASA DEPAN DAN TUMPUAN BARU

Bagi mengharungi cabaran masa depan, Kohilal telah menggariskan Rancangan Pembangunan 10 Tahun (1995-2005) yang menekankan Perancangan dan Kawalan

pengembangan Kohilal. Pembangunan Kohilal seterusnya adalah **melaksanakan projek secara bersepada dan seimbang antara keperluan sosioekonomi ahli dengan pembangunan sosioekonomi ummah disamping berusaha merebut peluang ekonomi negara dan antarabangsa**. ( Kohilal 1995). Gerak kerja akan dilancarkan dengan tanggungjawab berikut;

- 6.1 Kohilal bertindak sebagai pengumpul dana (Institusi Tabungan)
- 6.2 Kohilal akan mengekalkan skim Murabahah manakala skim Al-Qardhul Hasan akan ditukarkan kepada Projek Ar-Rahn dengan rancangan pembiayaan modal daripada Bank Islam Malaysia Bhd.
- 6.3 Kohilal akan menyumbangkan modal manakala strategi dan peluang perniagaan akan diterokai oleh Kohilal Holding.

## 7. MAKLUMAT ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOHILAL

Pengelolaan hal ehwal Kohilal adalah dipertanggungjawabkan kepada lembaga pengarah yang dilantik di dalam mesyuarat agong tahunan. Di bawah lembaga pengarah ini terdapat beberapa jawatankuasa lain yang ditubuhkan dan bertindak mengikut pengkhususan masing-masing terdiri daripada;

- Jawatankuasa kecil pelaburan yang bertanggungjawab ke atas program pelaburan.
- Jawatankuasa Majlis Syariah atau Lujnah Syariah yang memantau dan menjamin supaya segala aktiviti dan program koperasi selaras dengan prinsip syariah.

- Jawatankuasa Audit Dalam yang bertanggungjawab memastikan peraturan, disiplin dan etika yang ditetapkan dipatuhi
- Lembaga Pengarah dan Pengurusan syarikat subsidiari KOHILAL Industries Sdn. Bhd.
- Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat bersekutu pusat perubatan Kohilal Sdn. Bhd.
- Pentadbiran Koperasi.

## 8. KEANGGOTAAN KOPERASI

Keahlian KOHILAL terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berugama Islam, berkelakuan baik, berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan bermastautin atau bekerja dalam kawasan perjalanan KOHILAL. Seseorang yang diterima menjadi ahli perlu menjelaskan bayaran-bayaran berikut:

8.1.	Bayaran pendaftaran masuk menjadi ahli	RM5.00
8.2.	Ansuran saham (Wajib) Sekurang-kurangnya RM10. Sebulan	RM10.00
8.3.	Simpanan am (Wajib) setiap bulan sekurang-kurangnya....	RM5.00
8.4.	Tabung Bangunan (Wajib)	RM2.00
8.5.	Tabung kebajikan (Digalakkan)	RM2.00
8.6.	Sumbangan Fisabilillah (Wajib)	RM1.00
8.7.	Mudharabah Khas (Digalakkan) sekurang-kurangnya....	RM10.00
8.8.	Tabung pelajaran (Wajib)	RM1.00

**9. AGENSI-AGENSI PERNIAGAAN KOHILAL**

- 9.1 KOHILAL Konsumer Sdn. Bhd
- 9.2 KOHILAL Letrik Sdn. Bhd.
- 9.3 Kointrade Sdn. Bhd.
- 9.4 KOHILAL Intertrade Sdn. Bhd.
- 9.5 KOHILAL Infortech Sdn. Bhd.
- 9.6 KOHILAL Media & Publication Sdn. Bhd.
- 9.7 KOHILAL Consultant & trading Sdn. Bhd.
- 9.8 Rangkaian Ihsan Sdn. Bhd.
- 9.9 KOHILAL EDAR bagi setiap Negeri

**10. PROGRAM-PROGRAM KOHILAL**

KOHILAL membahagikan programnya kepada empat kategori utama;

**10.1 Program Teras;**

Program ini memberi peluang kepada ahli membeli rumah, kenderaan, peralatan elektrik, mengubahsuai rumah dan lain-lain kemudahan secara Murabahah disamping peluang pelaburan jangka pendek dan jangka panjang untuk mendapat keuntungan secara Mudharabah.

#### 10.2 Program Ummah

Di dalam program ini KOHILAL bukan sahaja memperkenalkan barang keperluan rumah tangga seperti serbuk pencuci dan produk makanan dari kilangnya tetapi juga mengedarkan produk daripada usahawan Islam lain di pusat pameran atau melalui stokis kohilal. Kohilal juga merancang untuk membuka lebih banyak klinik-klinik kesihatan Hilal disamping sebuah pusat rawatan ibu bersalin di Hospital Melawati.

#### 10.3 Program Sokongan

Program ini membuka peluang kepada ahli atau anak-anak ahli yang mencarum kepada tabung pendidikan ummah untuk mendapatkan bantuan melanjutkan pelajaran ke IPTA ataupun ke IPTS. Mulai tahun 1999 Tabung ini telah diuruskan secara korporat di bawah Tabung Pendidikan Ummah sebagai satu bentuk pelaburan jangka panjang.

#### 10.4 Program Komersial

Program ini menumpukan kepada kegiatan perniagaan di dalam dan di luar negeri termasuk di negara Indonesia, Brunei, Singapura dan Asia Timur.

## 11. SEJARAH PELANCARAN SKIM KOHILAL

Sejarah pelancaran skim-skim atau produk koperasi mengikut kronologi;

<u>TAHUN</u>	<u>SKIM YANG DILANCARKAN</u>
1987	1. Skim Murabahah Alatan Elektrik 2. Skim Al-Qardhul Hassan
1988	3. Skim Murabahah Motorsikal 4. Skim Murabahah Kereta
1990	5. Skim Murabahah Tanah 6. Skim Murabahah Rumah
1991	7. Skim Pinjaman Kakitangan KOHILAL 8. Projek Jualan Terus JUTEKOH
1992	9. Skim Juadah Khusus untuk peralatan elektrik 10. Skim Trading
1995	11. Skim Tanah Lot
1996	12. Skim Mudharabah (Pelaburan STAR)
1998	13. Skim Pelaburan Jangka Panjang

## 12. AKTIVITI-AKTIVITI KOHILAL

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kohilal di bawah setiap program telah disesuaikan dengan Visi dan Misi koperasi.

### 12.1 SKIM MURABAHAH (SEWA BELI)

Skim Murabahah adalah skim khusus yang ditawarkan kepada ahli untuk membiayai pembelian keperluan ahli dengan konsep akad Murabahah tanpa melibatkan riba. Ia **menukar konsep memimjam wang kepada menjual barang** meliputi skim berikut:

12.1.1 Murabahah kenderaan

12.1.2 Murabahah bangunan rumah dan tanah lot

12.1.3 Murabahah perabot dan peralatan elektrik atau disebut *Sekim Juadah*.

12.1.4 Murabahah barang yang bermanfaat

(Perhatian : Di dalam pengukuran hipotesis, kajian ini mengambilkira kemudahan kredit perniagaan iaitu skim Jutekoh sebagai sebahagian daripada Murabahah)

## 12.2 AKTIVITI DI BAWAH PROGRAM KEBAJIKAN

Program kebajikan merupakan skim bantuan kepada ahli-ahli maupun bukan ahli yang ditimpa kesusahan ataupun melibatkan pengumpulan dana daripada sumbangan ahli untuk tujuan kebajikan terdiri daripada;

### 12.2.1 Skim Al-Qardhul Hasan

Skim ini menawarkan pinjaman wang maksimum RM2000. kepada ahli yang mengalami kesulitan wang tanpa sebarang faedah dan tanpa penjamin.

### 12.2.2 Tabung Infak

Tabung infak disebut juga sebagai tabung Fi-Sabilillah dimana sumbangan ahli kepada tabung ini akan digunakan untuk membantu ahli maupun bukan ahli yang dilanda musibah.

### 12.2.3 Tabung Bangunan

Tabung ini merupakan sumbangan ahli untuk membiayai bangunan KOHILAL

#### 12.2.4 Tabung Pelajaran

Tabung ini berupa caruman ahli kepada tabung yang dimanfaatkan untuk membantu ahli atau keluarga ahli melanjutkan pelajaran atau mendapat hadiah pelajaran pelajar cemerlang.

### 12.3 AKTIVITI HARTANAH

Aktiviti Hartanah ini dikembangkan melalui pembelian aset-aset bangunan dan tanah untuk memenuhi keperluan organisasi pengurusan koperasi diikuti keperluan bangunan perniagaan dan kilang. Kini Kohilal telah melancarkan tabung Hartanah sebagai peluang pelaburan jangka panjang ahli di dalam sektor harta tanah sambil mendapat pulangan. Diantara bangunan yang sudah dibeli oleh Kohilal adalah seperti berikut:

- |   |              |
|---|--------------|
| 1. Satu unit bangunan kilang di Batu Caves                                  | RM 715,000.  |
| 2. Bangunan pejabat tujuh tingkat di Diamond Commercial Centre Jalan Gombak | RM3,528,034. |
| 3. Bangunan Pejabat KOHILAL Kelantan  | RM 480,000   |
| 4. Bangunan Pejabat KOHILAL N. Sembilan                                     | RM 125,000.  |
| 5. Bangunan Ibu Pejabat KOHILAL K.Lumpur                                    | RM 500,000.  |
| 6. Bangunan kedai empat tingkat di K.Terengganu                             | RM 400,000.  |
| 7. Pusat Perubatan KOHILAL Taman Melawati, K.Lumpur                         | RM 850,000.  |

## 12.4 SKIM GALAKAN PERNIAGAAN

Bagi mengembang dan menggalakkan penyertaan ummah di dalam rangkaian perniagaan Kohilal skim-skim berikut ditawarkan;

### 12.4.1 Projek Jualan Terus Kohilal (JUTEKOH)

Jutekoh adalah sistem jualan terus barang keluaran Kohilal kepada ahli atau stokisnya di seluruh negara. Setiap negeri telah menubuhkan Syarikat KOHILAL Edar masing-masing bagi mengembangkan rangkaian pengedaran barang-barang berjenama HILAL khususnya melalui stokis Kohilal. Kini Kohilal memiliki kilang sendiri dan sebilangan besar barang HILAL dikeluarkan menerusi kilang tersebut (KOHILAL 1997).

### 12.4.2 Skim Trading

Skim ini memberikan bantuan pembiayaan membeli barang modal atau memodalkan kepada ahli yang mendapat kontrak-kontrak perniagaan dan pembiayaannya adalah secara Murabahah.

### 12.4.3 Projek Rangkaian Klinik HILAL

Projek ini menawarkan konsep perkongsian di mana KOHILAL akan melabur dengan jumlah kos tertentu dan doktor-doktor dari kalangan ahli KOHILAL akan menjalankan perniagaan sepenuhnya di Klinik berkenaan.

12.4.4 Projek Pasar Mini yang menjual barang runcit pengguna.

12.4.5 Projek Fresh Mark HILAL, menjual bahan makanan mentah segar.

## 12.5 SKIM TABUNGAN DAN PELABURAN

12.5.1 Skim Tabungan am;

Ia merupakan simpanan am yang bertujuan memberi galakan kepada ahli-ahli supaya menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk kegunaan masa hadapan dan tidak mendapat sebarang pulangan.

12.5.2 Simpanan Khas atau Mudharabah Khas;

Mudharabah Khas ialah pemberian modal oleh ahli kepada koperasi untuk sesuatu projek atau perniagaan jangka pendek dan keuntungan akan dibahagikan mengikut nisbah yang dipersetujui oleh kedua pihak. Keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun ahli setiap tahun.

12.5.3 Pelaburan STAR;

Pelaburan STAR merupakan pelaburan jangka pendek yang mana KOHILAL akan membayar pulangan setiap tiga bulan sekali kepada ahli. Pelaburan ini berupaya membawa pulangan sehingga 40% setiap tahun sebelum negara dilanda kegawatan dan sekitar 10% setahun selepas krisis kewangan negara 1997.

12.4.4 Projek Pasar Mini yang menjual barang runcit pengguna.

KESI: Bukti statistik pula menunjukkan bilangan ahli tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendapatan selaras dengan darjah keanjalan yang rendah iaitu 0.23%. Mengikut laporan Kohilal terdapat segolongan ahli yang masih tidak mencukupkan syarat caruman minima RM200.00 setiap ahli atau tidak aktif mencarum disamping segolongan ahli enggan membayar balik pinjaman dan mendatangkan masalah kepada kelancaran aktiviti Kohilal. Mulai tahun 1998 Kohilal telah bertindak menggugurkan ahli yang tidak memenuhi syarat caruman minima saham sehingga keahliannya menurun kepada 17,879 pada penutup tahun 1998 berbanding 19,048 bagi tahun 1997. Proses ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan koperasi dan juga tahap signifikansi di antara bilangan ahli akan pertumbuhan pendapatan Kohilal di masa depan mungkin akan berubah.

## PERBINCANGAN DAN PENILAIAN HIPOTESIS II

Pengukuran statistik juga menunjukkan perubahan skim Murabahah sangat dipengaruhi sama sehala dengan perubahan Simpanan am dan Untung koperasi sebaliknya perubungan secara songsang dengan Simpanan Khas. Pengukuran ekonomi menunjukkan apabila Simpanan am berubah sebanyak 1 unit akan diikuti perubahan sebanyak 2.34 unit di dalam skim Murabahah. Bukti keanjalan tidak selaras dengan pernyataan itu dan darjah sensitiviti sebesar .87% hanya memadai untuk menunjukkan faktor pengembangan dalam Skim Murabahah disamping faktur keuntungan. Walaupun pengukuran ekonomi menjelaskan setiap perubahan satu unit keuntungan akan diikuti perubahan sehala 2.57 unit Murabahah tetapi keanjalan pula masih rendah di paras 0.23. Daripada umumnya dari pengukuran ekonomi kedua-dua pembolehubah ini tidak memberi

gsang pendapatan. Purata Simpanan Khas sepanjang 1987-1997 adalah RM160.51  
nya menunjukkan peningkatan mendadak bagi tempoh 1993 hingga 1997 ke paras  
2.91 manakala purata tahun 1997 dan 1998 masing-masing pada paras RM1465  
RM2212. Peningkatan Simpanan Khas yang sangat perlahan sejak 1986 hingga 1996  
cadangkan sebagai sebab mengapa mobiliti modalnya terhad dan sensitiviti nya  
ke atas pendapatan walaupun hubungan signifikannya tinggi. Misal pun  
tingkatan Simpanan Khas yang tinggi mulai berlaku pada tahun 1997 dan 1998 tetapi  
ke atas pendapatan masih bergantung kepada ke arah mana modal itu disalurkan.

Saham pula ternyata menunjukkan bukti yang selaras di antara ujian statistik dan  
jalan. Setiap unit perubahan Saham yang diukur akan menyebabkan peningkatan  
sekali 2.14 unit ke atas pendapatan selaras dengan keanjalannya bernilai 1.82%. Oleh  
sebab kajian ini mencadangkan bahawa Saham telah memberi sumbangan besar ke atas  
perumbuhan pendapatan koperasi berbanding Simpanan Khas terutamanya bagi tempoh  
sehingga tahun 1996. Kenyataan ini boleh diujah berdasarkan perunjuk data  
ahli pada Jadual 1.8, di mana purata saham ahli bagi tempoh kajian i.e. Tahun  
RM228.16 berbanding RM160.51 bagi Simpanan Khas. Purata bagi tempoh 1986-  
pula masing-masing RM126.37 bagi Saham dan hanya RM8.52 bagi Simpanan  
Khas. Walaubagaimana pun secara kasar Kohilal dijangka mengalami perumbuhan  
pendapatan yang hebat di masa depan berdasarkan peningkatan Simpanan Khas bagi  
1997 dan 1998 yang masing-masing bernilai purata RM1465.77 dan RM 2212.02  
walaupun hubungannya pula adalah signifikan.

Bukti statistik pula menunjukkan bilangan ahli tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendapatan selaras dengan darjah keanjalan yang rendah iaitu 0.23%. Mengikut laporan Kohilal terdapat segolongan ahli yang masih tidak mencukupkan syarat saham minima RM200.00 setiap ahli atau tidak aktif mencarum disamping segolongan yang enggan membayar balik pinjaman dan mendorong masalah kepada kelancaran aktiviti Kohilal. Mulai tahun 1998 Kohilal telah bertindak menggugurkan ahli yang tidak memenuhi syarat caruman minima saham sehingga keahliannya menurun kepada 17,879 pada penutup tahun 1998 berbanding 19,048 bagi tahun 1997. Proses ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan koperasi dan juga tahap signifikansi di antara bilangan ahli dengan pertumbuhan pendapatan Kohilal di masa depan mungkin akan berubah.

## 1.2 PERBINCANGAN DAN PENILAIAN HIPOTESIS II

Pengukuran statistik juga menunjukkan perubahan skim Murabahah sangat dipengaruhi secara sehala dengan perubahan Simpanan am dan Untung koperasi sebaliknya berhubungan secara songsang dengan Simpanan Khas. Pengukuran ekonomi menunjukkan apabila Simpanan am berubah sebanyak 1 unit akan diikuti perubahan sebanyak 2.34 unit di dalam skim Murabahah. Bukti keanjalan tidak selaras dengan kenyataan itu dan darjah sensitiviti sebesar .87% hanya memadai untuk menunjukkan sedikit pengembangan dalam Skim Murabahah disamping faktur keuntungan. Walaupun pengukuran ekonomi menjelaskan setiap perubahan satu unit keuntungan akan diikuti perubahan sehala 2.57 unit Murabahah tetapi keanjalan pula masih rendah di paras 0.23. Secara umumnya dari pengukuran ekonomi kedua-dua pembolehubah ini tidak memberi

*Bab 4: Perbincangan Dan Penilaian*

kesan yang besar kepada Skim Murabahah. Fenomena ini akan diperjelaskan lebih lanjut dalam bab lima. Saham Ahli dibuktikan tidak signifikan kepada Skim Murabahah selaras dengan tahap sensitiviti rendah diparas 0.15%. Ini mungkin menjelaskan pengaruhnya yang tidak memberikan kesan secara langsung kepada pengembangan skim Murabahah.


Jadual : 1.9

Pertumbuhan Skim Murabahah Berbanding Simpanan Khas dan Al-Qardhul Hasan  
Bagi Tempoh 1995-1998 Dalam Ringgit Malaysia


TAHUN	MURABAHAH	SIMPANAN KHAS	QARDHUL HASAN
1995	2,064,026.11	1,158,159.23	521,683.80
1996	2,182,368.23	1,354,079.83	473,296.80
1997	1,792,314.66	27,920,029.00	374,370.80
1998	1,790,679.11	39,345,023.09	187,382.80

Sumber : KOHILAL; Buku Laporan Kohilal Tahun 1995-1998

Rajah 2.2: Kohlal (M) Bhd. Graf Pertumbuhan Dan Penyusutan Skim Kohlal Bagi Tempoh 1992-98



## 2.2: Kohlai (M) Bhd. Graf Pertumbuhan Dan Penyusutan Skim Kohlai Bagi T



daripada RM1,554,079.00 pada tahun 1996 kepada RM27,920,029.00 pada tahun 1997 dan bererusnya RM39,545,023 tahun 1998 telah diikuti kemerosotan Skim Murabahah daripada RM2,183,268.23 tahun 1996 kepada RM1,792,314.66 tahun 1997 dan RM11,790,679.11 tahun 1998 mungkin telah mempengaruhi perhubungan songsang yang terdapat diantara kedua pembolehubah ini. Memang disedari bahawa mulai tahun 1997 Simpanan Khas Jutekoh yang merangkumi sebahagian daripada Skim Murabahah telah diambil alih oleh KOHILAL Edar Negeri dan mengurangkan saiz Skim Murabahah Kohilal (Kohilal, 1997). Walaubagaimana pun petunjuk ini jelas menunjukkan bahawa Simpanan Khas memberikan kesan sonsang kepada Skim Murabahah. Perkembangan dan penyusutan Simpanan Khas Kohilal boleh dilihat dengan jelas melalui graf pada Rajah 2.2.

Ahkirnya kajian ini mencadangkan faktor untung dan Simpanan am yang signifikan dengan Skim Murabahah boleh dimobilisasikan modalnya untuk memberikan tambahan pengembangan kepada Skim Murabahah.

### PERBINCANGAN DAN PENILAIAN HIPOTESIS III

Analisis statistik menunjukkan perubahan Aset Tetap amat signifikan dengan perubahan Simpanan Ahli, Saham dan Simpanan am. Simpanan am dan Saham kedua-duanya mempunyai hubungan secara positif sebaliknya bilangan ahli berhubungan secara songsang dengan Aset Tetap. Bukti Ekonomi menunjukkan perubahan satu unit Simpanan am akan diikuti peningkatan 5.28 unit Aset Tetap selaras dengan bukti keanjalan diparas pada 6%. Saham Ahli pula menunjukkan perubahan 1 unit akan diikuti perubahan yang

sehala sebanyak 2.17 unit dan selaras dengan tahap sensitivitinya yang anjal diparas 1.43%. Oleh itu kajian ini mencadangkan pengembangan Aset Tetap Kohilal amat dipengaruhi oleh nisbah atau perubahan Simpanan am dan Saham ahli.

Skim Murabahah mempunyai bukti sensitiviti yang selaras dengan ujian statistik yang tidak signifikan dengan perubahan Aset Tetap. Tabung Pelbagai pula yang mengandungi komponen Tabung Bangunan juga tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan Aset Tetap bahkan mempunyai nilai sensitiviti yang tidak relevan dengan keputusan pengembangan Aset Tetap. Hujah ini disokong dengan keputusan Kohilal yang menukarkan pengurusan tabung ini secara korporat dikenali sebagai Tabung Hartanah mulai 1998 yang membuka peluang pelaburan kepada ahli di dalam sektor hartanah (Kohilal 1997).

Suatu yang sukar dijelaskan adalah bilangan ahli yang memberikan kesan perubahan songsang kepada Aset Tetap. Pandangan tentang masalah keahlian akan dikemukakan menerusi penjelasan pihak Kohilal dalam bab lima. Tiada bukti lain yang boleh dipertimbangkan untuk petunjuk ini dan mungkin boleh diteruskan melalui kajian di masa hadapan.

## 2. ANALISIS SWOT

Perbincangan berdasarkan analisis SWOT adalah perbincangan dari espek Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman ke atas koperasi.

### 2.1 KEKUATAN KOPERASI

Kekuatan Kohilal pada awalnya bersandarkan kepada kesetiaan ahli menabung dan mencarum kepada koperasi disamping kesanggupan kakitangan dan anggota pengurusan Kohilal membina sebuah koperasi Islam tanpa menghiraukan pulangan yang setimpal. Ini dapat dibuktikan apabila para Lembaga Pengarah Kohilal hanya dibayar elauan bulanan diantara RM400. hingga RM700. sebulan sejak penubuhan sehingga ke tahun 1995 dan dinaikkan kepada RM1500. hingga RM3000. selepas tahun 1996. Kakitangan pula tidak pernah dibayar bonus manakala ahli pula tidak pernah dibayar dividen sepanjang tempoh 7 tahun (1986-1993). Walaubagaimana pun di dalam proses pembinaan ini ahli dan kakitangan Kohilal sentiasa disediakan dengan kemudahan tertentu berupa Skim Murabahah atau pun skim kebajikan yang lain. Dari atas yang dibina selama 7 tahun bersusah payah maka mulai tahun 1994 dividen ahli mula dikreditkan. Tempoh tujuh tahun yang sukar ini sama ada secara kebetulan adalah menyamai kisah pengurusan ekonomi Nabi Yusuf sepermula yang dirakamkan di dalam Al-Quran (Surah Yusuf, 47). Pengenalan projek Pelaburan STAR 1996 pula dilihat memberikan lonjakan besar dalam aliran masuk modal ahli. Ini kerana seramai 3821 ahli baru dicatatkan pada tahun 1996 dikuti 1711 pada tahun 1997. Setiap ahli baru perlu mencukupkan saham sebanyak RM1000. Sebelum layak menyertai Pelaburan STAR dan

alam masa yang sama perlu mencarum. Kesannya, ia telah mendorong peningkatan tetara aliran masuk modal ahli. Lonjakan masuk modal mulai berlaku pada tahun 1997 dan memberikan kekuatan kepada koperasi untuk merebut peluang pelaburan dan perniagaan yang dipertanggung jawabkan kepada Kohilal Holding. Koperasi KBI pula ditubuhkan tahun 1977 dan dalam tempoh 10 tahun (1986-1995) keahliannya bertambah daripada 3,175 kepada 6,751 orang manakala deposit ahli bertambah dari RM0.8 Juta kepada RM5.8 Juta (Rosaida, 1997). KOHILAL pula dalam tempoh yang sama (1986-1995) ahlinya bertambah daripada 118 kepada 13,893 orang manakala deposit ahli meningkat daripada RM620. kepada RM7 Juta. Angka ini secara berbanding menjadi penunjuk sambutan dan komitmen ahli yang dianggap sebagai sebahagian daripada kekuatan KOHILAL.

Jadual : 1.10

Pembayaran Dividen atau Keuntungan Kepada Produk Kohilal Bagi Tempoh 1986-1998 Dalam Ringgit Malaysia

SUMBER	1986-1998	1986	1995	1996	1997	1998
SAHAM	-	4%	-	6%	6%	6.5%
SIMP. AM	-	-	-	-	-	-
SIMP. KHAS	-	-	-	51734	6136	-
MUDH. STAR	-	-	-	684.977	2991674	4251132

Sumber : KOHILAL; Buku Laporan Kohilal Tahun 1986-1998

Barangan HILAL pula telah mendapat sambutan menggalakkan dan mendorong Kohilal menyerahkan aktiviti Skim Jutekoh kepada KOHILAL Edar Negeri. Keadaan ini membolehkan akaun kilang (Produk HILAL) sentiasa mencatatkan keuntungan

dalam masa yang sama perlu mencarum. Kesannya, ia telah mendorong peningkatan ketara aliran masuk modal ahli. Lonjakan masuk modal mulai berlaku pada tahun 1997 dan memberikan kekuatan kepada koperasi untuk merebut peluang pelaburan dan pembiagaan yang dipertanggung jawabkan kepada Kohilal Holding. Koperasi KBI pula ditubuhkan tahun 1977 dan dalam tempoh 10 tahun (1986-1995) keahliannya bertambah daripada 3,175 kepada 6,751 orang manakala deposit ahli bertambah dari RM0.8 Juta kepada RM5.8 Juta (Roshaida, 1997). KOHILAL pula dalam tempoh yang sama (1986-1995) ahlinya bertambah daripada 118 kepada 13,893 orang manakala deposit ahli meningkat daripada RM620. kepada RM7 Juta. Angka ini secara berbanding menjadi penunjuk sambutan dan komitmen ahli yang dianggap sebagai sebahagian daripada kekuatan KOHILAL.

Jadual : 1.10

Pembayaran Dividen atau Keuntungan Kepada Produk Kohilal Bagi Tempoh 1986-1998 Dalam Ringgit Malaysia

Sumber	1986	1988	1989	1995	1996	1997	1998
SAHAM	-	4%	-	-	6%	6%	6.5%
SIMP. AM	-	-	-	-	-	-	-
SIMP. KHAS	-	-	-	-	51734	6136	-
MUDH. STAR	-	-	-	-	684.977	2991674	4251132

Sumber : KOHILAL; Buku Laporan Kohilal Tahun 1986-1998

Barangan HILAL pula telah mendapat sambutan menggalakkan dan mendorong Kohilal menyerahkan aktiviti Skim Jutekoh kepada KOHILAL Edar Negeri. Keadaan ini membolehkan akaun kilang (Produk HILAL) sentiasa mencatatkan keuntungan

*Bab 4: Perbincangan Dan Penilaian*

Juta. Pada tahun 1997 jumlah Saham telah meningkat melebihi RM9 Juta, Simpanan am melebihi RM2 Juta manakala Simpanan Khas mencecah hampir RM28 Juta seperti mana ditunjukkan di Jadual 1.11. Peningkatan ketara sumber modal Kohilal khususnya bagi tahun-tahun 1997 dan 1998 menyebabkan sasaran pelaburan terus dikembangkan. Mengikut laporan Kohilal pelaburan yang dicadangkan termasuk projek usahasama yang akan dilaksanakan menerusi Kohilal Holding (Syarikat Subsidiari Kohilal). Had maksimum keterhutangan koperasi telah ditingkatkan seperti mana di Jadual 1.12

Jadual : 1.12

Pengembangan Pelaburan dan Keterhutangan Koperasi yang Diluluskan Melalui Mesyuarat Agong Kohilal 1996/1997/1998 Dalam Ringgit Malaysia

PELABURAN TANGGUNGJAWABAN	1996	1997	1998
PELABURAN HARTANAH	10 juta	80 juta	5 juta

menggalakkan setiap tahun (Kohilal 1998). Jelas sekali bahawa berkat kesabaran, disiplin dan taqwa ahli serta anggota Kohilal maka kejayaannya semakin menyerlah.

## 2.2 PELUANG-PELUANG

Peluang mengembangkan modal dan perniagaan dimasa depan agak menyakinkan. Setiap kali tawaran pelaburan dibuka ia akan mendapat sambutan luar biasa dari ahli. Pada tahun 1997 sebanyak RM26 Juta dapat dikumpulkan dan RM11 Juta pada tahun 1998 untuk projek Mudharabah. Ianya merupakan pertumbuhan deposit yang mendadak dari sebuah koperasi seramai 17,876 ahli melalui tawaran dalam tempoh yang singkat sedangkan jumlah maksima pelaburan dihadkan tidak melebihi RM10,000. setiap ahli pada tahun 1997 dan tidak melebihi RM5000. bagi tahun 1998.

Jadual : 1.11

Peningkatan Mutlak dan Peratusan Saham, Simpanan Khas dan Simpanan am  
Bagi tempoh 1993 Hingga 1998 Dalam Ringgit Malaysia

TAHUN	SAHAM	%	SEM. KHAS	%	AMALAT	%
1993	2123744	-	283834	-	802007	-
1994	3177705	49.6	512927	380	1054576	31.5
1995	4488373	41.2	1158159	126	1470446	39.4
1996	6787349	51.2	1554079	34	1771552	20.5
1997	9454737	39.3	27920029	1696	2289966	29.3
1998	11206675	48.5	39545023	41.6	4301045	48.75

Sumber : KOHILAL; Buku Laporan Tahunan Kohilal 1993-1998

Suatu kejutan berlaku bagi tempoh 1993-1995 apabila jumlah Simpanan am dan Simpanan Khas mula melebihi RM1 Juta manakala jumlah Saham mulai melebihi RM2

*Bab 4 Perbincangan Dan Penilaian*

uta. Pada tahun 1997 jumlah Saham telah meningkat melebihi RM9 Juta. Simpanan am melebihi RM2 Juta manakala Simpanan Khas mencecah hampir RM28 Juta seperti mana ditunjukkan di Jadual 1.11. Peningkatan ketara sumber modal Kohilal khususnya bagi tahun-tahun 1997 dan 1998 menyebabkan sasaran pelaburan terus dikembangkan. Mengikut laporan Kohilal pelaburan yang dicadangkan termasuk projek usahasama yang akan dilaksanakan menerusi Kohilal Holding (Syarikat Subsidiari Kohilal). Had maksimum keterhutangan koperasi telah ditingkatkan seperti mana di Jadual 1.12

Jadual : 1.12

Pengembangan Pelaburan dan Keterhutangan Koperasi yang Diluluskan Melalui Mesyuarat Agong Kohilal 1996/1997/1998 Dalam Ringgit Malaysia

PELABURAN TANGGUNGJAWAB	1996	1997	1998
PELABURAN HARTANAH	10 juta	80 juta	5 juta

## **KELEMAHAN-KELEMAHAN**

Skim Murabahah dibuktikan oleh ujian statistik tidak mempunyai sensitiviti yang cukup kuat dengan perubahan keuntungan maupun beberapa sumber pembolehubah lain. Skim ini (Setelah ditolak Nilai Skim Jutekoh) hanya merupakan pembiayaan berjumlah sekitar RM1.5 hingga RM2 Juta setahun. Jumlah ini agak kecil berbanding aliran deposit yang diterima oleh Kohilal. Iini berlaku kerana Kohilal menghadkan peruntukan ke atas skim tersebut. Memandangkan Murabahah adalah program teras koperasi bermatlamatkan kebijakan dan ahli memerlukan kemudahan tersebut yang peruntukan skim ini sewajarnya ditingkatkan. Kegagalan ini bererti suatu kelemahan kepada Kohilal yang sepatutnya.

Jadual : 1.1.3  
 Projek Perniagaan Kohilal Dalam Skim Jutekoh, Pasar Mini, Skim Juadah, dan Fresh Mark Hilal; Kedudukan Jualan/Untung, dan Untung Tahunan Koperasi bagi Tempoh 1994-1998 Dalam Ringgit Malaysia

PERNIAGAAN	JUTEKOH		JUADAH		PASAR MINI		FRESH MARK HILAL		UTG. TIAP TAHUN	
	TAHUN	TAJUHAN	TAHUN	TAJUHAN	TAHUN	TAJUHAN	TAHUN	TAJUHAN	TAHUN	TAHUN
1994	2,312,469.88	242,889.64	863,812.13	82,341.11						85,907.
1995	2,229,760.70	330,773.22	806,171.04	13,749.99	217,740.68	(1,427.42)				(24,183).
1996	2,575,858.83	263,169.33	1,561,054.24	311,638.08	424,999.27	5,575.85				851,534.
1997	3,504.54	53,274.82	1,724,633.68	70,099.55	417,242.16	(76,129.46)				(47,258.92) <del>1,053,560.</del>
1998	-	-	1,063,387.38	27,308.53	-	-				(54,369.11) <del>2,105,790.</del>

Sumber : KOHILAL; buku laporan tahunan Kohilal 1994-1998

Nota:  
 Angka di dalam kurungan menunjukkan kerugian.

Program perniagaan Kohilal bererti program di mana Kohilal menjual barang-barang samaada sebagai peruncit atau pengedar dari barang keluaran Kohilal sendiri ataupun barang keluaran Islam tempatan yang mana Kohilal sebagai Payung.

Jualan terus produk Kohilal kepada pengedar di bawah sekitim kredit perniagaan

Jutekoh

Kedai jualan barang runcit Kohilal

Pasar mini

Fresh Mark

Juadah

Kedai jualan makanan makanan segar seperti daging, ikan sayuran dan buah-buahan.

Pasar Mini yang menjual barang elektrik secara ansurans mudah.

Kedai barang elektrik yang menjual barang elektrik secara ansurans mudah.

Ancaman kedua adalah keghairahan mengembangkan modal dan kekayaan koperasi jangan sampai program kebajikan ahli demi golongan yang memerlukan dikurangkan, sedangkan konsep Islam adalah memanfaatkan modal dari si kaya kepada golongan miskin.

Hak Milik MARA

## BAB LIMA

### PENEMUAN-PENEMUAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

#### 1. PENEMUAN KAJIAN BERDASARKAN TEMUBUAL

Hasil temubual dengan Encik Ali Maidin, Bendahari Kohilal merangkap Pengerusi Kohilal Holding berhad pada 9.8.99 di Pejabatnya, beberapa pengesahan penting yang boleh menjelaskan keputusan output SPSS telah diperolehi yang boleh dicatat atau dirumuskan seperti berikut:

- Nisbah pengembangan aset koperasi adalah bersandarkan 20% nilai saham. Ia bermakna nilai aset ditolak nilai hutang jangka panjang akan menyamai nilai saham.
- Pengembangan aset tidak disandarkan langsung kepada Tabung Pelbagai yang di dalamnya mengandungi Tabung Bangunan manakala Tabung Bangunan lebih merupakan matlamat melahirkan sifat infak kepada ahli.
- Peruntukan Skim Murabahah pula ditetapkan sebanyak RM1.5 Juta dari Simpanan am dicampur 20% Saham baru bagi satu-satu tahun.

Skim Murabahah sentiasa mendapat permohonan yang pesat tetapi skim ini dihadkan oleh Kohilal khususnya bagi tahun 1998 hingga 1999 kerana hutang tertunggak sehingga akhir 1998 adalah sekitar RM600,000. dimana di antara RM200,000. hingga RM300.000. merupakan tunggakan yang melebihi tempoh amaran.

Semasa deposit Mudharabah meningkat yang memerlukan banyak tumpuan diberikan maka ianya mendorong Skim Murabahah dihadkan.

Peningkatan deposit Mudharabah Khas tidak diikuti peningkatan skim Murabahah. Ini kerana Mudharabah merupakan pelaburan jangka pendek sedangkan Murabahah adalah skim pembiayaan jangkapanjang.

Skim Pelaburan Mudharabah bermatlamatkan keuntungan kepada pelabur sedangkan murabahah bermatlamatkan kebajikan kepada ahli dan bayaran balik murabahah hanya mengambil kira kos pokok (Overhead Cost) dan sedikit *ribet atas langganan*.

Keuntungan Mudharabah akan dikembalikan kepada pelabur dalam bentuk perkongsian perniagaan.

Maklumat dari temubual ini sememangnya membantu penulis mentafsir dan encadangkan keputusan output SPSS sama ada kriteria statistik maupun ekonomi. Pertamanya ia mengesahkan bahawa sebahagian besar deposit Simpanan am disalurkan untuk Skim Murabahah sementara sumber saham disalurkan kepada pengembangan aset

burang fizikal. Walaupun menurut Bendahari Kohilal Murabahah tidak memberikan untung, tetapi ujian statistik menunjukkan hubungan yang signifikan kurang anjal dari segi ekonomi. Oleh itu Skim Murabahah dicadangkan mampu bertahan serentak demi kebajikan ahli di dalam masa yang sama memberi pulangan koperasi.

Mengenai hubungan yang berlawanan di antara Simpanan Khas dengan mudharabah dalam ujian statistik adalah disebabkan tumpuan yang berlebihan kepada mudharabah dan di dalam masa yang sama menghadkan peruntukan skim mudharabah sepetimana disahkan oleh Bendahari Kohilal.

Mengenai Bilangan Ahli yang mempunyai hubungan yang berlawanan dengan mudharabah tetap sukar ditemui hujah yang kukuh. Walaubagaimana pun langkah Kohilal untuk matkan keanggotaan ahli yang tidak aktif atau tidak mencukupkan saham minima dalam tempoh peringatan diberi menjelaskan bahawa ahli yang tidak berkualiti dianggap membantu atau boleh menjelaskan kecekapan koperasi. Pada tahun 1998 seramai 10 ahli telah berhenti atau diberhentikan (Kohilal 1998). Pihak Kohilal sendiri kesahkan penekanannya kepada ahli yang berkualiti.

## PENEMUAN BERBANDING PENYELIDIKAN LEPAS

Kesemua konsep perniagaan Kohilal sama ada dari segi pengumpulan modal, pengagihan keuntungan maupun pinjaman adalah berteraskan prinsip Islam dan bebas daripada riba. Pengamalan prinsip Islam di dalam suasana yang dikuasai oleh sistem konvensional tidak langsung menjelaskan operasi Kohilal. Kesemua produk kecuali produk kebajikan yang dihadkan peruntukannya telah menunjukkan peningkatan yang stabil dan berterusan sejak penubuhan. Selepas tahun 1993 semua peningkatan kelihatan memuncak (Sila Rujuk Jadual 1.8). Ini merupakan isyarat kepada unjuran yang menggalakkan. Pada awal tahun 1997 semasa indeks BSKL sedang melambung, ahli Kohilal memilih untuk melabur sehingga RM26 Juta dalam Projek STAR anjuran Kohilal dan mengenepikan BSKL. Pada tahun 1998 apabila negara teruk dilanda kegawatan dan bank-bank mengalami masalah kecairan, Kohilal telah menerima RM11 Juta lagi pelaburan ahli. Ini bermakna sikap dan prinsip ahli Kohilal serta Kohilal sendiri berada di dalam keadaan yang berbeza dengan arus perdana. Kalau begitu kita boleh mencadangkan bahawa sistem Islam dan imej Kohilal itu sendiri menjadi teras kepercayaan masyarakat. Penemuan ini berbeza dengan kajian di Koperasi Belia Islam yang mendapati kejayaan KBI itu bukanlah kerana ciri-ciri keislaman yang diamalkan semata-mata tetapi Islam itu cuma dijadikan asas sahaja.

2.2 Pelancaran projek Mudharabah STAR pada tahun 1996 telah menghasilkan pertumbuhan caruman dan aliran masuk modal secara mendadak bagi tahun 1997 dan 1998.

2.3 Kohjal mengekalkan margin keuntungan di dalam skim Murabahahnya pada nisbah 20% hingga 30% sepanjang tempoh bayaran balik diantara 2 hingga 4 tahun. Kadar ini hampir menyamai kadar bunga 4% mengikut pengiraan baki berkurangan (Reducing Rate) di dalam skim pinjaman kenderaan kakitangan kerajaan. Oleh itu ia merupakan kadar yang rendah berbanding kadar di pasaran konvensional.

2.4 KOHLAL juga dapat menampung aktiviti pemasaran produk pengusaha Muslim untuk mengedarkan produk mereka menerusi KOHLAL Edar Negeri.

2.5 Merujuk kepada Jadual 11, jumlah Simpanan am yang sentiasa melebihi jumlah Simpanan Khas sehingga tahun 1996 secara relatif telah jauh berkurang berbanding Simpanan Khas dan Saham mulai tahun 1997 walaupun syarat mewajibkan ahli mencukupkan saham sekurang-kurangnya RM200.00 seorang dikuatkuasakan. Skim Murahahah pula telah menyusut sejak 1997, hal ini merupakan proses transit sejak kebelakangan ini yang mana kecenderungan ahli melalui relah mengatas kecenderungan untuk meminjam.

- 2.6 Bilangan ahli yang ramai tidak semestinya membantu memperkuuhkan kemajuan koperasi. Inisiatif perlulah diambil untuk mengatasi keadaan ini.

### 3. CADANGAN

- 3.1 Untuk menggalakkan lebih ramai ahli mencarum secara potongan gaji atau secara tetap adalah disarankan supaya syarat sumbangan wajib bernilai RM4.00 Sebulan ditukar kepada sumbangan sukarela. Syarat asal ini dipercayai boleh merentangkan golongan berpendapatan rendah untuk menabung kerana sekiranya mereka hanya mampu menabung RM10.00 sebulan, mereka terpaksa pula menyumbang 40% lagi daripada carumannya sedangkan Simpanan am tidak dibayar sebarang keuntungan manakala simpanan Khas hanya dibayar dividen sekitar 6% hingga 6.5% setahun sejak 1996. Di dalam keadaan prestasi Simpanan Khas yang semakin meningkat adalah lebih baik syarat caruman wajib ditukar kepada caruman sukarela dan sumbangan untuk tabung tadi akan diagihkan daripada keuntungan pelaburan. Langkah ini dipercayai tidak menjelaskan pengembangan aset kerana ujian statistik menunjukkan hubungannya tidak signifikan. Sekiranya keputusan ini boleh meningkatkan Simpanan am maka ia boleh mengukuhkan koperasi kerana Simpanan am signifikan dengan Aset Tetap dan Murabahah.
- 3.2 Bagi meningkatkan pendapatan dan pengukuhan aset syarikat maka kempen menabung dan melabur hendaklah terus ditingkatkan. Simpanan am yang terbukti signifikan kepada pertumbuhan skim Murabahah dan aset tetap sewajarnya diberi bayaran insentif dalam bentuk pulangan sekim Al-wadiah.

- 3.3 Kohilal disarankan sama ada secara bersendirian atau dengan kerjasama kerajaan pusat mendapatkan peluang perniagaan yang boleh membawa manfaat kepada ummah sejagat dan Bumiputra khususnya. Sebagai contoh, menjadi pengimpor dan pengedar susu, daging, beras, gula, gandum, minyak masak dan bukan sebagai peruncit. Perkara ini difikirkan penting bagi keselamatan ummah sekiranya berlaku apa-apa krisis yang tidak diingini di dalam negeri disamping dapat menguatkan rangkaian pemasaran dikalangan orang Islam. Ibu ketara dalam keadaan aman sekali pun keperluan ini sering mengalami manipulasi harga, amalan sorot dan terputus bekalan. Langkah ini penting bagi menjamin survival ummah dalam jangka panjang malahan selaras dengan Misi koperasi.
- 3.4 Kohilal juga disaran merangka pelan pelaburan yang boleh menggabungkan secara optimum sumber ummah. Misalnya pelaburan di dalam bidang membaiki kereta motor (Workshop) dan menjadi panel kepada Syarikat Insurans Takaful kerana terdapat sungutan bahawa pengusaha bengkel bukan Muslim telah mengeksplorasi kejujuran Takaful membayar kos pembaikan kenderaan yang dilindunginya.
- 3.5 Bagi mencapai Visi dan Misi koperasi seperti mana ditetapkan, sudah pasti menuntut penyertaan lebih ramai ummah. Sebaliknya Kohilal memutuskan penamatan keahlian yang tidak aktif sehingga bilangannya menyusut kepada 17,876 sahaja pada akhir 1998. Oleh itu perhatian perlulah diberikan tentang bagaimana menghadkan bilangan keahlian tetapi menjamin faedah kepada

keseluruhan ummah atau menambah bilangan ahli dan mempastikan komitmen ummah. Kohilal sekali-kali jangan lupa bahawa ia telah diberi dokongan sepenuhnya selama tujuh tahun sejak penubuhan dari golongan mustadaffin.

## KESIMPULAN

Dengan pendekatan kajian, pengukuran, perbincangan, penilaian dan penemuan-nemuan yang diperolehi sepanjang kajian ini maka jawapan kepada hipotesis kajian bolehlah dirumuskan. Pertamanya, dengan merujuk khusus kepada kajian ke atas koperasi Kohilal maka ia boleh menjadi model untuk mengembangkan sistem koperasi Islam memandangkan kepelbagaiannya produk yang disediakan dan kejayaan meningkatkan prestasi sebahagian besar daripada produknya. Walaubagaimana pun keterbatasan modal dan sokongan kerajaan menyebabkan ia belum mampu menjadi alternatif sepenuhnya kepada ummah melainkan kepada ahli-ahli. Keduanya tidak banyak perbezaan diantara koperasi Islam dengan koperasi konvensional dari segi mekanisma pengurusan organisasi, tetapi perbezaannya sangat jelas dari segi pendekatan perniagaan. Di antara perbezaannya adalah pembebasan dari sistem riba, ahli-ahli yang mempunyai sentimen tinggi atas dasar agama dan politik, keputusan perniagaan yang memerlukan kelulusan Lujnah Syariah untuk menentukan keharusannya dan memperkenalkan konsep menjual barang berbanding meminjamkan wang. Ketiganya, aktiviti yang disediakan oleh Kohilal dari segi skopnya telah pun memenuhi keperluan sosioekonomi ahli meliputi aktiviti kebajikan, perniagaan, pendidikan, takaful, pelaburan dan sebagainya. Keempatnya, program koperasi di dalam memenuhi pembangunan sosioekonomi ummah sangat berkait

## Jadual Jangkaan Pulingsan Pelaburan Tabung-Kohitai

Peratus	10 peratus setahun			20 peratus setahun			30 peratus setahun			40 peratus setahun			50 peratus setahun			
	Masa	10 thn	15 thn	20 thn	10 thn	15 thn	20 thn	10 thn	15 thn	20 thn	10 thn	15 thn	20 thn	10 thn	15 thn	20 thn
Jumlah Pelaburan																
RM100	259	418	673	619	1,541	3,834	1,379	5,119	19,005	2,893	15,557	83,668	5,767	43,789	332,526	
RM500	1,297	2,089	3,364	3,096	7,704	19,169	6,893	25,593	95,025	14,463	77,784	418,341	28,833	218,947	1,662,628	
RM1,000	2,594	4,177	6,727	6,192	15,407	38,338	13,786	51,186	190,050	28,925	155,568	836,683	57,665	437,894	3,325,257	
RM5,000	12,969	20,886	33,637	30,959	77,035	191,688	68,929	255,929	950,248	144,627	777,840	4,183,413	288,325	2,189,469	16,626,284	
RM10,000	25,937	41,772	67,275	61,917	154,070	383,376	127,858	511,859	1,900,496	289,255	1,555,681	8,366,826	576,650	4,378,939	33,252,567	

Nota:

1. Pelaburan adalah berdasarkan akad mudharabah iaitu perkongsian untung dan rugi bersama antara Kohitai sebagai pengusaha dan anggota sebagai pemodal.
2. Kadar pusingan di atas adalah andaian yang tertakluk kepada akad mudharabah antara Kohitai dengan anggota atas nisbah pembahagian untung 50:50.
3. Wang pelaburan tidak boleh dikeluarkan sehingga genap tempoh pelaburan.
4. Jumlah pulangan adalah termasuk wang asal pelaburan.

LAMPIRAN 3.2

ISMAIL BIN ABDULLAH  
No. 16 Jalan Cu 4  
Taman Cheras Utama  
56000 KUALA LUMPUR  
NO.Matrik EEE 97191  
Tel (R) : 9124088

SURAT PENGESAHAN TEMUBUAL DENGAN  
BENDAHARI KOHILAL PADA 9.8.99

Tarikh: 15/7/99

Pengerusi  
Koperasi Al-Hilal Malaysia Berhad (KOHILAL)  
Jalan Sarekei Off Jalan Pahang  
53000 K.Lumpur

Tuan.

Kajian ke atas Koperasi Kohilal untuk Kertas Projek/Latihan Ilmiah

Dengan hormatnya dimaklumkan saya adalah pelajar tahun akhir Jabatan Ekonomi Gunaan , Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, U.Malaya akan membuat kajian ke atas Koperasi KOHILAL untuk Latihan Kertas Projek.

Kajian akan dibuat melalui methodologi Empirical Study dimana data-data sekunder daripada Koperasi tuan akan dianalisis melalui hipotesis dengan menggunakan pakej komputer SPSS. Bagi menyokong output komputer SPSS yang dianalisis saya bercadang untuk berbincang dan mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan penunjuk output data. Tumpuan kajian adalah mengukur sejauhmana keberkesanan aktiviti Koperasi berbanding MISI dan VISInya.

Oleh itu saya memohon kerjasama tuan untuk membantu saya menyelesaikan kajian ini dan bercadang membuat temu janji/temubual dengan tuan pada suatu masa yang boleh ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Ismail  
(Ismail Bin Abdullah)

Telah berlinang

Ali bin Matdin

9/8/99  
ALI BIN MARDIN  
Pengarah Eksekutif  
KOHILAL HOLDINGS SDN. BHD.

S.K Prof. Madya Dr.Idris Jajri  
Penyelia Projek.  
Jabatan Ekonomi Gunaan  
Fakulti Ekonomi & Pentadbiran  
Universiti Malaya, K.Lumpur

**9. BAGAIMANA CARA MEMBUAT BAYARAN?**

Bayaran boleh dibuat melalui tiga cara:

1. Potongan gaji bulanan Biro Perkhidmatan Angkasa (bagi mereka yang bertugas dengan jabatan Kerajaan Badan-Badan berkanun dan penggunaan pergunaan tempatan)
2. Arahan Bank (bagi ahli yang mempunyai akaun Semasa)
3. Bayaran sendiri (boleh diantar ke pejabat KOHILAL dengan WANG TUNAI/CEK/MONEY ORDER dan sebagainya) Bayaran atas nama KOPERASI AL-IHL AL-MALAYSIA BERHAD atau KOHILAL.

**10. MENGAPA PERLU NYA BAYARAN DIBUAT MELALUI POTONGAN GAJI BIRO PERKHIDMATAN ANGKASA (BPA)?**

Cara ini mudah. Anda hanya dikehendaki mengisi surat Pengakuan Potongan Gaji (BPA 1/79). Bayaran bulanan juga terjamin berterusan insya-Allah.

**11. APAKAH HAK ANDA SEBAGAI AHLI?**

1. Hak untuk menghadiri, mengambil bahagian serta menggunakan osul di dalam mesyuarat.
2. Hak untuk menikmati kemudahan dan perkhidmatan ekonomi yang disediakan oleh koperasi.

**12. APAKAH TANGGUNGJAWAB ANDA SEBAGAI AHLI?**

1. Menyertai kegiatan yang dijalankan oleh koperasi dan memenuhi kerjuaan serta mencapai kepentingan bersama setaras dengan prinsip membantu diri sendiri dan berdikari.
2. Membuat keseliaan yang tidak berbelah dalam menentukan kejayaan kegiatan koperasi demi kepentingan dan kerjuaan kita bersama.
3. Membuat sumbangan kewangan minima serta bayaan-bayaan lain seperti mana yang ditetapkan oleh koperasi bagi menambah modal saham koperasi bagi memambal modal saham koperasi.

Permohonan menjadi ahli akan diperlumbangkan oleh Lembaga Koperasi yang boleh menerima atau menolak

(permohonan untuk mendapatkan bukti bukti kesetiaan)

Untuk Keterangan Lanjut Sila Hubungi

**KOPERASI AL-IHLAL (M) BERHAD**

No. 7, Jalan Sankei

Off Jalan Pahang

53000 Kuala Lumpur

Tel: 03-4227879 (4 lalai)

Faks: 03-4217618

# KENAPA ANDA PERLU MENJADI AHLI? KOHILAL?

*Visi*

*Kohilal Sebagai Wadah  
Sosio-Ekonomi Ummah  
Berdikari  
Yang Bertemaskan Islam*

*Untuk Melahir, Menggerak  
dan Membina Sosio-Ekonomi Ummah  
Yang Maju, Berdikari  
Beriman dan Bertaqwa*

**KOPERASI AL-IHLAL MALAYSIA BERHAD**  
(Di daftarkan di bawah Akta Koperasi)

**KOHILAL**